

Tajuk : DOSM unjur ekonomi Malaysia berkembang 5.1 peratus tahun lalu
Sumber : Berita Harian
Tarikh : 18 Januari 2025

DOSM unjur ekonomi Malaysia berkembang 5.1 peratus tahun lalu

Ekonomi Malaysia dijangka mencatatkan pertumbuhan 4.8 peratus pada suku keempat 2024 dan 5.1 peratus bagi keseluruhan tahun 2024, selaras dengan unjuran rasmi antara 4.8 hingga 5.3 peratus, menurut anggaran awal Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata pertumbuhan ekonomi ini didorong permintaan domestik kukuh, di samping pemulihan sektor luaran.

Pelaburan strategik dalam sektor tenaga boleh baharu serta infrastruktur digital, termasuk pusat data turut menyumbang kepada kestabilan ekonomi negara.

Beliau menegaskan usaha itu telah menarik minat pelabur asing dan memberikan impak positif kepada ekonomi Malaysia secara keseluruhan.

Selain itu, peningkatan ketibaan pelancong serta kenaikan gaji penjawat awam dijangka merangsang aktiviti peruncitan dan memperkukuh perbelanjaan isi rumah, seterusnya meningkatkan momentum pertumbuhan ekonomi.

Dalam laporan terkini dike-

luarkan DOSM, nilai jualan perdagangan borong dan runcit meningkat 5.5 peratus pada Oktober sebelum menyederhana kepada 4.7 peratus pada November 2024.

Prestasi Indeks Pengeluaran Perindustrian pula menunjukkan pertumbuhan 3.3 peratus pada Oktober dan 4.6 peratus pada November.

Bagi sektor luaran, perdagangan Malaysia mencatatkan prestasi memberangsangkan pada November 2024, dengan eksport berkembang 4.1 peratus, manakala import meningkat 1.6 peratus.

Sektor perkhidmatan terus menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara pada suku keempat 2024, apabila meningkat kepada 5.3 peratus berbanding 5.2 peratus pada suku ketiga.

Subsektor seperti perdagangan borong dan runcit, pengangkutan dan penyimpanan serta maklumat dan komunikasi menjadi pemacu utama sektor ini.

Menurut DOSM, prestasi positif ini turut diterjemahkan kepada pertumbuhan mampan bagi

semua sektor ekonomi sepanjang 2024.

Sektor perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 5.3 peratus pada tahun lalu berbanding 5.1 peratus pada 2023.

Dalam tempoh sama, sektor pembuatan menunjukkan peningkatan ketara kepada 4.2 peratus berbanding hanya 0.7 peratus pada 2023, disokong oleh industri berorientasikan domestik dan eksport.

Sektor pembinaan pula merekodkan pertumbuhan luar biasa sebanyak 17.2 peratus berbanding 6.1 peratus pada 2023, didorong oleh aktiviti pembinaan yang rancak di pelbagai kawasan.

Sektor pertanian turut memperlihatkan pemulihan dengan peningkatan 3 peratus pada 2024, berbanding hanya 0.7 peratus pada 2023.

Dalam pada itu, sektor perlombongan dan pengkuarian mencatatkan pertumbuhan marginal sebanyak 0.8 peratus yang masih menunjukkan trend positif berbanding tahun sebelumnya.



Mohd Uzir Mahidin